

pendapat

Oleh Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo

Ahli Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PendaPat)



Memperkasa falsafah, skim perkhidmatan ahli akademik

➔ Manfaatkan sarjana hebat secara optimum

Ketika menyampaikan ucapan perasmian Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya (UM) Ke-49 pada 2010, Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah, Canselor UM ketika itu bertitah, 'adalah satu kerugian besar kepada institusi dan negara apabila seorang sarjana yang mencapai status kematangan terpaksa meninggalkan tugas di universiti kerana terikat dengan skim perkhidmatan yang mewajibkan mereka bersara.

Melahirkan seorang sarjana yang hebat memerlukan masa yang lama dan untuk itu, sarjana yang hebat perlulah dimanfaatkan oleh institusi untuk tempoh yang optimum.

Baginda mendapat gambaran, ramai sarjana atau cerdik pandai negara akan bersara sebaik mencapai usia 60 tahun kerana mereka dilantik berdasarkan Skim Perkhidmatan Awam, iaitu skim sama dengan penjawat awam yang menjalankan tugas pentadbiran dan perkhidmatan awam negara.

Akademik muda

Pada 2015 hingga 2018, situasi persaraan profesor di universiti awam berlaku secara berleluasa. Para sarjana hebat dan masih menyumbang dengan aktif terpaksa bersara kerana skim perkhidmatan tidak membenarkan mereka terus menyumbang, tambahan pula universiti kekurangan dana untuk lantikan kontrak.

Keadaan ini amat mencemaskan dan kualiti akademik universiti matang boleh merudum seakan sebuah

institusi baharu.

Banyak jabatan atau program pengajian, satu ketika dahulu memiliki antara lima hingga 10 profesor, kini hanya dikendalikan oleh ahli akademik muda. Impaknya hanya dapat dirasai beberapa tahun akan datang.

Masyarakat awam masih belum mengenali siapa itu ahli akademik yang sebenar, ramai yang hanya mengetahui, mereka adalah penyarah atau guru, bertugas sebagai pengajar dan menyampaikan ilmu kepada pelajarannya.

Melalui tulisan ini, saya memperkenalkan kelompok kecil masyarakat bergelar ahli akademik ini. Ada kalanya mereka juga dikenali sebagai sarjana, malim, intelek, cerdik pandai atau profesor.

Kertas ilmiah

Pada asasnya, ahli akademik adalah kelompok terpilih dalam kalangan pelajar cemerlang. Di universiti pula, mereka lazimnya golongan lima peratus pelajar terbaik yang mendapat ijazah kelas pertama atau kelas dua atas.

Berasaskan minat menjadi ilmuwan dan kecenderungan untuk menyelidik, mereka dipilih untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana (dua tahun), Doktor Falsafah (tiga hingga lima tahun) dan Pascakedoktoran (satu hingga dua tahun). Sebaik memperoleh semua pencapaian ini, barulah mereka dilantik sebagai ahli akademik di universiti.

Di beberapa universiti terkemuka, mereka tidak diserap terus sebagai ahli akademik, sebaliknya dilantik secara sementara untuk tempoh tertentu (tenure). Apabila terbukti sesuai sebagai ahli akademik, barulah diserap dalam jawatan tetap. Ahli akademik muda lazimnya perlu terus menyelidik dalam bidang kepakaran dan menerbitkan kertas

ilmiah dalam jurnal terkemuka.

Apabila diakui kepakarannya, barulah dilantik sebagai profesor madya, dan selepas diakui keserjanaan dilantik pula sebagai profesor.

Pengiktirafan

Jawatan profesor adalah kemuncak pengiktirafan sebagai ahli akademik matang, dan lazimnya diraih apabila berusia 45 hingga 55 tahun. Sumbangan keserjanaan dan pengiktirafan kebijaksanaan menyerlah selepas perantikan sebagai profesor.

Bayangkan seseorang profesor hanya dapat menyumbang dalam tempoh lima hingga 15 tahun sebelum dimaksudkan oleh Almarhum Baginda Sultan Azlan Shah, 'Sarjana hebat tidak dapat dimanfaatkan secara optimum'.

Saya sering membandingkan sarjana dengan ahli sukan atau seniman agung. Taraf kecemerlangan banyak bergantung kepada bakat dan kerja keras berterusan. Bergantung kepada bakat dan usaha, seorang ahli sukan seperti pelari pecut, boleh menjadi ahli sukan bertaraf negeri, negara atau dunia.

Perbezaan antara ahli sukan dan ahli akademik ialah mereka menggunakan kemahiran dan kudrat (kekuatan fizikal), tetapi ahli akademik menggunakan keupayaan pemikiran (kekuatan mental). Jika kekuatan fizikal hanya boleh bertahan sehingga kita berusia 40 atau 50 tahun, kekuatan mental masih boleh berkembang dan bertahan hingga mencapai usia melangkaui 70-an.

• Penulis juga adalah bekas Naib Canselor di sebuah universiti awam.



Saya sering membandingkan sarjana dengan ahli sukan atau seniman agung. Taraf kecemerlangan banyak bergantung kepada bakat dan kerja keras berterusan. Bergantung kepada bakat dan usaha, seorang ahli sukan seperti pelari pecut, boleh menjadi ahli sukan bertaraf negeri, negara atau dunia"